



Manusia cemerlang bijak bahagi, hormati masa

Oleh Wan Marzuki Wan Ramli

Perancangan teliti perlu disediakan elak kerja tertangguh dan tidak sistematik

Bijak pandai ada mengatakan, masa itu emas. Hukama pula mengibaratkan masa sebagai pedang. Jika kita manusia tidak berusaha untuk mendahului dalam maksud mengejar kepentingan dunia dan akhirat pada setiap masa, maka masa pasti akan mendahului kita.

Masa cukup berharga kepada manusia. Bagi mereka yang mempunyai kerjaya masa sudah tentu memainkan peranan penting kerana setiap saat dilalui, akan ada tugas serta urusan harus diselesaikan mengikut kerjaya masing-masing.

Majikan umpamanya akan menilai keberkesanan tugas pekerjaannya dengan memperuntukkan tempoh tertentu untuk mereka menyiapkan tugas. Apabila disiapkan pada tempoh seperti ditetapkan, maka pekerja itu benar-benar memahami kepentingan menjaga masa.

Islam mengajar manusia cara menjaga dan mengurus masa dengan baik serta berkesan mengikut kehendak syariat antaranya:

Membuat perancangan yang teliti. Setiap pekerjaan sudah pasti akan dilaksanakan mengikut masa tertentu. Justeru, penjadualan adalah sesuatu yang mustahak. Jadual hendaklah disediakan dengan kemas dan rapi bagi mengelakkan berlakunya sebarang pembaziran masa.

Tempoh menyiapkan sesuatu kerja hendaklah ditetapkan untuk mengelakkan kerja tertangguh dan tidak sistematik. Nabi Allah Ibrahim sendiri umpamanya menyediakan jadual khusus dalam waktu hidupnya seharian untuk bermunajat (berzikir) kepada Allah, bermuhasabah diri dan berfikir mengenai ciptaan Allah serta keperluan hidupnya seperti makan dan minum.

Sentiasa menepati masa kerana sebagai umat Islam yang sentiasa inginkan kemajuan diri, hendaklah sentiasa menepati masa bagi mengelak timbulnya hal negatif lain akibat kecuaiian tidak mematuhi ketepatan masa. Kata-kata hikmat menyatakan: "Jangan tangguh kerja hari ini sehingga hari esok".

Jangan membazir masa kerana orang yang benar-benar menghargai masa akan sentiasa memastikan waktu terluang diisi perkara bermanfaat untuk dirinya hingga tidak mempunyai waktu melakukan perkara merugikan.

Menjaga kualiti masa. Kualiti masa berbeza mengikut aktiviti serta keperluan tetapi Islam sudah menyusunnya mengikut batas tertentu yang pasti sesuai dan perlu diambil perhatian semua umat muslimin.

I like the dreams of the future better than the history of the past

Rasullullah bersabda yang bermaksud: "Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara, iaitu masa sihatmu sebelum sakit, masa lapangmu sebelum sibuk, masa mudamu sebelum tua, masa senangmu sebelum susah dan masa hidupmu sebelum mati."

Berlumba-lumba meningkatkan kualiti dan produktiviti. Manusia dituntut menghasilkan sesuatu yang berkualiti dan bermutu supaya setiap masa dilalui memberi kebaikan. Firman Allah yang bermaksud: "Hendaklah kamu berlumba-lumba melakukan kebaikan." Rasullullah bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah kasih kepada seseorang di antara kamu apabila bekerja sentiasa meningkatkan mutu kerjayanya."

Beristiqamah dalam melakukan kerja. Kekuatan untuk mengekalkan semangat dan usaha boleh dilakukan apabila seseorang menyedari bahawa setiap itu adalah ibadat kepada Allah.

Firman Allah yang bermaksud: "Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan) kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain. Dan hanya kepada Tuhan-Mu hendaklah kamu berharap."

Mengambil iktibar daripada masa silam. Setiap pekerjaan atau tugas dilakukan tidak semuanya akan menghasilkan kejayaan seperti diharapkan, namun Islam menuntut kita supaya sentiasa menjadikan masa silam sebagai panduan membina kekuatan diri menghadapi dugaan hidup. Firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya sudah berlaku sunnah Allah sebelum daripada kamu, kerana itu berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana akibat orang yang mendustakan Rasul-Nya." (Surah al-Imran, ayat 137)

Martabat manusia dinilai dengan masa. Sabda Rasullullah SAW yang bermaksud: "Sebaik-baik manusia yang panjang umurnya dan baik pula pekerjaannya, manakala sejahat-jahat manusia ialah yang panjang umurnya tetapi buruk pula amalannya." Allah menyatakan dengan terang dan jelas berkenaan orang yang untung dan rugi dalam pengurusan masa hidup mereka melalui firman yang bermaksud: "Demi masa, sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, dan berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran."

Golongan manusia yang tidak akan rugi ini adalah golongan manusia yang melakukan kerja dan tugas hidup mereka dengan menepati kehendak syariat. Dengan beberapa kaedah dinyatakan, orang beriman dan beramal soleh akan berusaha melakukan sesuatu pekerjaan dengan rasa insaf dan penuh penghayatan.

Manusia yang untung ini juga akan sentiasa memohon kepada Allah untuk menguatkan semangat mereka dalam perjuangan hidup di samping berusaha membantu rakan taulan serta saudara seagama dengan pesanan berguna.

Orang yang beruntung dalam hidup adalah mereka yang beriman dengan mengikrarkan lidahnya dan membenarkan hatinya bahawa semua ajaran dibawa junjungan Rasullullah SAW adalah benar belaka.

Selain beriman, dia juga mengerjakan apa yang diimankannya dan membuat kebajikan mendatangkan manfaat kepada umum serta membawa orang lain ke arah jalan diredhai.

I like the dreams of the future better than the history of the past



The 5 S Process: Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu, Shitsuke

The **5S Process**, or simply "5S", is a structured program to systematically achieve total organization, cleanliness, and standardization in the workplace. A well-organized workplace result in a safer, more efficient, and more productive operation. It boosts the morale of the workers, promoting a sense of pride in their work and ownership of their responsibilities.

"5S" was invented in Japan, and stands for five (5) Japanese words that start with the letter S: Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu, and Shitsuke. Table 1 shows what these individual words mean. An equivalent set of five S words in English have likewise been adopted by many, to preserve the "5S" acronym in English usage. These are: **Sort, Set** (in place), **Shine, Standardize**, and **Sustain**. Some purists do not agree with these English words - they argue that these words have lost the essence of the original 5 Japanese words.

Table 1. 5S Definitions

JapaneseTerm	English Equivalent	Meaning in Japanese Context
Seiri	Tidiness	Throw away all rubbish and unrelated materials in the workplace
Seiton	Orderliness	Set everything in proper place for quick retrieval and storage
Seiso	Cleanliness	Clean the workplace; everyone should be a janitor
Seiketsu	Standardization	Standardize the way of maintaining cleanliness
Shitsuke	Discipline	Practice Five S daily make it a way of life; this also means commitment

Seiri

The first step of the "5S" process, seiri, refers to the act of throwing away all unwanted, unnecessary, and unrelated materials in the workplace. People involved in Seiri must not feel sorry about having to throw away things. The idea is to ensure that everything left in the workplace is related to work. Even the number of necessary items in the workplace must be kept to its absolute minimum. Because of seiri, simplification of tasks, effective use of space, and careful purchase of items follow.

Tools soon get rusty if they are left in the toolbox! Ideas are useless unless used.

Seiton

Seiton, or orderliness, is all about efficiency. This step consists of putting everything in an assigned place so that it can be accessed or retrieved quickly, as well as returned in that same place quickly. If everyone has quick access to an item or materials, work flow becomes efficient, and the worker becomes productive. The correct place, position, or holder for every tool, item, or material must be chosen carefully in relation to how the work will be performed and who will use them. Every single item must be allocated its own place for safekeeping, and each location must be labeled for easy identification of what its for.

Seiketsu

The fourth step of "5S", or seiketsu, more or less translates to standardized clean-up. It consists of defining the standards by which personnel must measure and maintain cleanliness. Seiketsu encompasses both personal and environmental cleanliness, Personnel must therefore practice seiketsu starting with their personal tidiness. Visual management is an important ingredient of seiketsu. Color-coding and standardized coloration of surroundings are used for easier visual identification of anomalies in the surroundings. Personal are trained to detect abnormalities using their five senses and to correct such abnormalities immediately

Seiso

Seiso, the third step in "5S", says that everyone is a janitor. Seiso consists of cleaning up the workplace and giving it a shine. Cleaning must be done by everyone in the organization, from operators to managers. It would be a good idea to have every area of the workplace assigned to a person or group of persons for cleaning. No area should be left uncleaned. Everyone should see the workplace through the eyes of a visitor always thinking if it is clean enough to make a good impression.

Shitsuke

The last step of "5S", Shitsuke, means Discipline. It denotes commitment to maintain orderliness and to practice the first 4 S as a way of life. The emphasis of shitsuke is elimination of bad habits and constant practice of good ones. Once true shitsuke is achieved, personal voluntarily observe cleanliness and orderliness at all times, without having to be reminded by management.

***Tools soon get rusty if they
are left in the toolbox!
Ideas are useless
unless used.***